

BAB V

PENUTUP

Alhamdulillah, pengkaji bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan pertolongan sehingga berjaya menyelesaikan disertasi ini. Disertasi ini akan ditutup dengan kesimpulan dan cadangan.

5.1 Kesimpulan

Kecamatan Babat adalah merupakan salah satu daerah di Jawa Timur Indonesia di mana majoriti penduduknya adalah beragama Islam.

Kajian ini didahului dengan sejarah berkenaan harta pusaka dan pembahagiannya di Indonesia secara umum. Ada beberapa jenis hukum pusaka yang diamalkan di Indonesia iaitu; Hukum Pusaka Adat, Kitab Undang-undang Hukum Perdata, Hukum Pusaka Islam dan hukum pusaka mengikut mazhab Hazairin. Hukum Pusaka Adat merupakan hukum pusaka Indonesia yang tidak tertulis dalam bentuk perundangan, yang tidak terlepas daripada pengaruh unsur-unsur agama dan kebiasaan yang berlaku turun-temurun sejak zaman nenek moyang dahulu kala. Ianya meliputi asas, norma, keputusan atau ketetapan hukum yang berhubungkait dengan proses penerusan atau peralihan harta kekayaan dari generasi kepada generasi sesudahnya. Harta kekayaan yang diteruskan atau dialihkan ada yang berbentuk benda atau berupa hak dan kewajiban, dan ada yang dapat dibahagi-bahagikan dan ada juga yang tidak

dapat dibahagi penguasaan atau pemilikannya. Penerusan harta kekayaan itu dapat berlaku ketika pewaris masih hidup atau setelah pewaris meninggal dunia.

Hukum pusaka secara adat ini memiliki kelebihan dan kekurangan dan di antara kelebihanannya ialah bahawa sistem pewarisan yang dibahagi-bahagikan adalah ahli waris dapat bebas memiliki dan memanfaatkan harta pusaka yang menjadi bahagiannya tanpa adanya pengaruh dan keterikatan daripada ahli waris yang lain. Hal ini akan nampak besar pengaruhnya bagi keluarga-keluarga yang telah maju dan moden di mana rasa kekerabatan sudah mengecil dan anggota kerabat sudah hidup berjauhan dari daerah asal. Kelemahan daripada sistem kewarisan ini adalah dapat terpecahnya harta pusaka dan merenggangnya hubungan kekeluargaan. Sistem ini juga dapat menjurus ke arah sifat individualisme dan materialisme.

Kelemahan dan kebaikan sitem pewarisan secara adat ini terletak pada kepimpinan anak yang paling tua dalam kedudukannya sebagai pengganti orang tua yang telah meninggal dalam mengurus harta kekayaan dan memanfaatkannya bagi kepentingan semua anggota keluarga yang telah ditinggalkan. Anak tertua yang penuh tanggungjawab akan dapat mempertahankan keutuhan dan kerukunan keluarga sehingga semua ahli waris tersebut menjadi dewasa, dan sehingga mereka boleh berdiri sendiri dalam mengatur rumah tangga sendiri. Akan tetapi, anak tertua yang tidak bertanggung jawab (yang tidak dapat mengendalikan diri terhadap kebendaan) tidak akan dapat menguruskan harta kekayaan dengan baik. Adapun, harta peninggalan adat yang dibahagi-bahagi adalah cara pewarisan di mana setiap ahli waris mendapatkan

pembahagian untuk dapat memiliki dan menguasai harta peninggalan sesuai dengan haknya masing-masing. Sistem ini di antaranya berlaku pada masyarakat Jawa dan Sulawesi Selatan. Faktor yang mempengaruhi pembahagian pusaka dengan dibahagi-bahagi ini, disebabkan tidak adanya keinginan untuk menguasai harta peninggalan secara bersama-sama disebabkan keadaan kehidupan ahli waris telah meluas tersebar.

Manakala KUHPerdata adalah merujuk kepada undang-undang buatan manusia yang lahir pada abad XI di Rom, kemudian dalam sejarah perkembangan selanjutnya sampailah kitab undang-undang tersebut sampai ke Indonesia. Pengaturan hukum pusaka dalam KUHPerdata sebahagian besarnya disusun dalam buku kedua, iaitu yang menghuraikan tentang masalah kebendaan. Ada sebahagian juga yang diatur dalam buku I KUHPerdata, antaranya adalah penetapan bahawa setelah berakhirnya ikatan perkahwinan, maka harta benda kesatuan dibahagikan kepada dua antara suami dan juga isteri dengan tidak mempertikaikan dari pihak mana harta benda tersebut diperolehi. Di antara permasalahan yang menonjol dalam undang-undang ini ialah berkenaan status anak luar nikah dalam hal pusaka mempusakai. Dalam hukum pusaka KUHPerdata disebutkan bahawa seorang lelaki dan wanita dibenarkan mengadakan hubungan badan sebelum melangsungkan perkahwinan yang sah. Hubungan itu boleh dilanjutkan ke jinjang perkahwinan yang sah dan boleh juga tidak. Akibatnya seorang suami boleh memiliki anak luar kahwin dan demikian sebaliknya. Masalah ini dijelaskan pada fasal 272 KUHPerdata yang menyatakan bahawa tiap-tiap anak yang dibenihkan di luar perkahwinan yang sah akan menjadi anak sah apabila kedua orang tuanya itu sebelum menikah telah mengakuinya mengikut ketentuan undang-undang atau pengakuan itu dilakukan dalam akta perkahwinan kedua orang tuanya.

Adapun hukum pusaka Islam tanpa diragui ialah merupakan cara yang paling tepat dalam hal pembahagian harta pusaka, kerana bersumberkan daripada wahyu Ilahi. Justeru, sudah pasti ianya menjamin keadilan dan persamaan hak di kalangan Masyarakat Muslim. Ini seterusnya memberi kesan kepada keharmonian sesebuah keluarga, sehingga semuanya dapat hidup secara damai, mesra, dan jauh dari pertikaian, yang biasanya berpunca daripada keegoan sesetengah individu dalam keluarga yang menginginkan lebih bahagian dari harta yang telah ditinggalkan oleh pewaris.

Di antara perbezaan KUHPerdara dengan Hukum Pusaka Adat dan Hukum Pusaka Islam adalah, harta pusaka mengikut hukum adat dan hukum Islam yang dapat dipindahkan hanyalah kekayaan yang setelah digunakan untuk membayar hutang dan segala keperluan si mati. Berbeza dengan KUHPerdara yang berpindah pada hakikatnya untuk semua harta pusaka yang meliputi juga segala hutang orang yang telah meninggal dunia.

Manakala mazhab Hazairin pula memiliki corak tersendiri dalam masalah harta pusaka. Ajaran ini mulai berkembang dan berpengaruh di Indonesia sejak tahun 1950, yang mana ajaran yang terakhir ini lebih mengarah kepada sistem *bilateral* yang berlawanan dengan ajaran Ahlussunnah yang mengarah pada sistem *patrilineal*. Ajaran ini merupakan satu ijtihad Hazairin dalam menguraikan hukum pusaka dalam al-Qur'an secara *bilateral* dengan memberi penafsiran baru pada Surah al-Nisa: 33 dengan mengertikan kata '*mawali*' dalam ayat itu menjadi ahli waris pengganti.

Adapun dari sudut penerapan pembahagian harta pusaka di kalangan masyarakat Muslim Babat Lamongan, mereka membahagikan harta pusaka bercampur antara pembahagian secara adat dan juga Islam. Walaupun melakukan pembahagian harta pusaka secara Islam, akan tetapi kebanyakan masyarakat Muslim Babat selepas itu akan membahagikan secara sama rata di antara ahli waris. Hal itu dilakukan bagi mengamalkan ajaran Islam dan pada masa sama bagi mengeratkan tali persaudaraan melalui pembahagian harta secara rata, tentunya dengan keredaan semua pihak terutama penerima bahagian-bahagian terbanyak dari harta pusaka.

Adapun penyelesaian pusaka menurut KUHP tidak ada. Antara sebab tiada masyarakat Muslim Babat yang menyelesaikan pembahagian harta pusaknya mengikut KUHP adalah kerana tidak ditemui anak luar nikah. Walaupun ada, mungkin kes itu tidak didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara sebagai anak luar nikah sehingga sukar bagi mereka untuk menyelesaikan permasalahannya mengikut KUHP yang tentunya memerlukan dokumen lengkap. Antara sebab lain pula adalah kerana undang-undang waris dalam KUHP tidak lengkap dan tidak dibahaskan secara spesifik.

Konsep yang dibawa oleh Hazairin dalam masalah harta pusaka tidak popular dalam kalangan masyarakat Muslim Babat, kerana pemikiran Hazairin tentang harta pusaka hanya merupakan pandangan peribadi dan beliau tidak mampu untuk merumuskan pemikirannya dalam bentuk sistem perundangan. Sepertimana yang sedia

dimaklumi, beliau juga merupakan seorang tokoh kontroversi di mana sebahagian masyarakat Muslim masih sukar untuk menerima pemikirannya

Penyelesaian harta pusaka melalui rujukan Peradilan Agama juga jarang berlaku. Antara sebab jarang nya masyarakat Muslim Babat merujuk Peradilan Agama dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka adalah kerana mereka lebih cenderung untuk memilih penyelesaian secara kekeluargaan. Selain itu, mereka juga enggan menguruskan segala aspek yang diperlukan dalam tuntutan seperti mengemukakan saksi, peguam, penyediaan wang dan keperluan-keperluan lainnya.

5.2 Cadangan

- Mengingati kepada amaran Rasulullah bahawa ilmu pertama yang akan dilupakan oleh umatnya adalah ilmu faraid, maka para pelajar hendaklah digalakkan untuk membuat kajian dalam bidang ilmu faraid. Hal itu perlu dilakukan bagi menyelamatkan bidang ini daripada pupus.
- Jabatan Fiqh dan Usul perlu membentuk lembaga Fiqh Mawarith yang bergiat aktif dalam bidang latihan khusus secara bersiri, dan bersedia untuk berkhidmat menyelesaikan permasalahan berkenaan harta pusaka.
- Perlu adanya lanjutan terhadap kajian ini, kerana pengkaji merasakan terdapat masih banyak lagi isu-isu penting yang perlu dikaji berkenaan harta pusaka.

Sekian disertasi ini ditulis, semoga bermanfaat untuk semua. *Wallāhu a'lam bi al-Sawāb*